

DEMI MASA SESUNGGUHNYA MANUSIA DALAM KERUGIAN oleh Haji Ahmad Zawawi Abdullah. Penerbit: Pustaka Ilmuwan: Selangor. 2016. Halaman: 244. ISBN: 978-967-0634-49-4.

Islam amat menitikberatkan tentang penggunaan masa dalam kehidupan seseorang. Masa yang berlalu tidak akan kembali lagi. Buku *Demi Masa Sesungguhnya Manusia Dalam Kerugian* sangat menarik untuk dibaca lantaran merungkai kaedah mengurus masa yang baik di samping mempunyai kupasan-kupasan mendalam yang lain terhadap penggunaan masa yang sebenar sebagaimana digariskan oleh ajaran Islam.

Intipati buku ini adalah hasil kajian ilmiah Haji Ahmad Zawawi Abdullah. Selain menulis buku *Demi Masa Sesungguhnya Manusia dalam Kerugian*, penulis juga giat menulis buku seperti *Panduan Perkahwinan Menurut Islam*, *Rahsia 1001 Sunnah Rasulullah* dan lain-lain.

Penulisan buku ini meliputi konsep masa dalam Islam seperti kewajipan Muslim terhadap masa dan kepentingan serta amalan positif menghargai masa. Buku ini turut menyingkap pendekatan Islam dalam penggunaan masa dengan membawakan kisah-kisah Rasulullah SAW dan orang soleh. Justifikasi memilih buku ini adalah untuk mengetahui pengurusan masa Rasulullah dan kaedah pengurusan masa sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Buku ini mampu menjadi garis panduan kepada umat Islam dalam mengguna dan memanfaatkan masa sebagaimana yang ditentukan oleh Islam.

Buku setebal 244 halaman ini mengandungi 28 bahagian. Secara keseluruhannya, ia diolah dan disusun dengan penulisan yang kemas dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai perihal masa dalam Islam. Setiap bahagian dimulai dengan tajuk atau kata kunci yang menarik dan mampu menjadi daya tarikan kepada masyarakat untuk membacanya.

Penulis memulai penulisan dengan memberi galakan kepada pembaca agar dapat memanfaatkan masa dengan sebaiknya. Sesungguhnya amat beruntung mereka yang bijak memanfaatkan masa yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Pada hakikatnya, ramai yang tidak mengurus masa dengan baik. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: *Demi masa. Sesungguhnya manusia dalam kerugian.*

(al-Asr: 1-2)

Umat Islam perlu peka dengan pengurusan masa kerana akan memberi impak yang besar dalam diri individu. Pengabaian masa akan menyebabkan kita menghadapi pelbagai konflik, tekanan dan kesan negatif kepada budaya kerja. Setiap masa mempunyai kelebihan yang tersendiri seperti satu pertiga malam dan lain-lain. Penggunaan masa dengan aktiviti yang betul amat digalakkan. Sebagai contoh, waktu satu pertiga malam dijadikan waktu untuk berdoa dan beribadat.

Individu Muslim dilarang untuk melakukan perkara yang sia-sia apatah lagi perkara yang berdosa. Masa tidak diukur melalui kuantiti tetapi adalah berdasarkan kualitinya. Menerusi Surah al-Qadr, jelas menunjukkan bahawa kualiti ibadat pada malam lailatul Qadr melebihi 1000 bulan. Hadis Rasulullah SAW juga menegaskan bahawa sesiapa yang solat berjemaah Isyak dan Subuh seolah-olahnya telah beribadat sepanjang malam.

Umat Islam tidak perlu terpengaruh dengan pandangan psikologi Barat yang mengatakan bahawa hidup ini bermula pada usia 40 tahun. Fahaman Barat seperti "tidak mengapa berbuat jahat ketika masih muda" juga memesongkan umat Islam. Sedangkan dalam Islam, sebagaimana pandangan Imam al-Ghazali, kejahatan yang tumbuh dalam diri manusia umpama akar seponon kayu yang apabila semakin lama dibiarkan, akan menjadi semakin mencengkam. Sewajarnya kejahatan dihapuskan ketika usia muda kerana apabila sudah tua, kejahatan sudah mencengkam dan sukar untuk dirungkai.

Bahagian 2 bertajuk Masa Itu Emas memfokuskan mahalnyanya nilai masa dalam kehidupan kita. Ada yang menyatakan bahawa masa itu lebih penting daripada emas. Emas yang hilang boleh dicari dan diganti, namun masa yang hilang, akan terus luput daripada kita tanpa ada gantian. Penulis menyatakan bahawa orang yang benar-benar mengenali masa akan cenderung menggunakannya dengan sebaik yang mungkin tanpa membazir dan mensiasikannya sementara orang yang membazirkan masa akan mengeluh kesempitan masa.

Bahagian 3 bertajuk Hormati Masa Orang Lain. Keistimewaan buku ini kerana mengenengahkan keperluan menghormati masa orang lain. Ramai yang memandang ringan tentang kepentingan masa orang lain. Justeru, amalan menepati masa ketika menghadiri kuliah amat perlu ditekankan dalam kalangan pelajar. Begitu juga dalam perkara-perkara lain seperti usrah, mesyuarat atau majlis-majlis yang memerlukan kehadiran kita. Maka kita perlulah berusaha untuk tidak lewat menghadirinya.

Bahagian 5 memfokuskan kepada amalan-amalan yang menunjukkan seseorang anggota perkhidmatan awam itu menghargai masa. Terdapat 7 amalan yang perlu disemai dalam diri iaitu menepati masa, menyegerakan tugas, mempunyai perancangan waktu, bijak menguruskan tempoh yang diberi, menumpukan masa kepada kerja yang produktif dan kreatif, menetapkan *target date* untuk menyiapkan kerja dan menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan.

Adapun kita hendaklah menjauhi amalan-amalan yang tidak menghargai masa seperti berbual kosong semasa bertugas, tidak menyegerakan tugas, tidak ada rasa bersungguh-sungguh, melakukan kerja peribadi di pejabat dan lain-lain. Secara sedar atau tidak, ramai yang melakukan kerja peribadi di pejabat seperti menggunakan internet untuk membeli secara atas talian, melayari *Facebook* dan media sosial yang lain, membuat transaksi pembelian atau pembayaran bil dan lain-lain.

Bahagian 6 berjudul Kewajipan Muslim Terhadap Masa. Tajuk ini memberi kesan kepada jiwa kerana rata-rata antara kita suka mempersoalkan tentang hak, tanpa menyedari kehadiran hak adalah bersama-sama dengan tanggungjawab. Justeru, seorang Muslim mempunyai tanggungjawab terhadap masa iaitu menjaga masa dengan sebaik-baiknya. Para salafussoleh sangat menjaga masa sehinggakan Hasan Basri berkata, "Aku lihat suatu kaum yang sangat menjaga masa hingga melebihi dari kamu menjaga ringgit kamu itu!" Umar Abdul Aziz juga pernah menyatakan bahawa bekerjalah untuk siang dan malam. Dapat disimpulkan di sini bahawa orang yang soleh sering menggunakan masa dengan sebaik-baiknya bagi mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.

Bab yang seterusnya adalah berkaitan apa yang kita faham tentang masa. Muslim yang memiliki matlamat hidup yang jelas akan menyedari betapa pentingnya masa dalam kehidupan dan menghargai masa tersebut. Perbuatan membuang masa atau menggunakan

masa pada perkara yang sia-sia adalah salah satu petanda bahawa hati kita sakit. Ibn Qayyim pernah berkata bahawa salah satu bentuk mensia-siakan kehidupan adalah mensia-siakan hati dan masa. Mensia-siakan hati merujuk kepada lebih mementingkan dunia dari akhirat. Manakala mensia-siakan masa bermaksud banyak berangan.

Cantiknya kehidupan Muslim kerana dimulai dengan solat Subuh dan diakhiri dengan solat Isyak. Solat mendesak umat Islam supaya menukarkan masa menjadi wang. Ini adalah dengan cara tidak malas atau belajar mengisi masa dengan berfaedah dan menggunakan masa dengan cermat, cepat dan tepat. Cermat merujuk kepada tidak membiarkan masa dalam kelalaian dan kealpaan serta tidak membiarkan orang lain mengambil masa kita. Cepat pula bermaksud tidak bertangguh dalam sesuatu perkara apabila sudah dirancang.

Bahagian ini turut mendedahkan 10 tip pengurusan masa berkesan iaitu set matlamat dan strategi, fokus matlamat, buat jadual masa, utamakan matlamat asal, mewujudkan sistem perfailan, realiti pengurusan masa kita, kerjasama dan pencapaian lalu. Selesaikan tugas hari ini juga merupakan tip pengurusan masa yang berkesan. Pengurusan masa yang bijak ini pastinya membolehkan kita mendapat rehat yang berkualiti bersama keluarga.

Bahagian 16 bertajuk Konsep Masa. Bahagian ini memfokuskan lima teknik mengurus masa dalam kalangan pelajar. Teknik tersebut ialah utamakan yang utama, tingkatkan kemahiran diri, buat perancangan aktiviti, buat senarai semak dan prinsip. Pengulas tidak dapat memastikan apa yang dimaksudkan dengan prinsip tersebut.

Dalam konteks masa, sewajarnya kita mengelakkan pembaziran masa. Menurut Ibn Qayyim, pembaziran masa berlaku apabila ia tidak diurus dengan sebaiknya. Terdapat beberapa faktor yang mendorong ke arah pembaziran masa seperti tidak merancang tugas, agihan tugas yang tidak sistematik, sikap pekerja yang tidak bermotivasi dan lain-lain. Pembaziran masa akan mengakibatkan berlakunya kelemahan pengurusan, merosotnya produktiviti, kurangnya kualiti serta perjalanan pentadbiran yang tidak sistematik dan produktif.

Bahagian 17 memfokuskan amalan pada bulan Ramadan dari bangunnya tidur sehingga tidur semula. Terdapat banyak amalan yang dituntut untuk kita melakukannya. Sebagai contoh, sedari bangun pagi, kita disaran untuk melakukan *qiyam al-lail* dengan mendirikan solat sunat seperti solat sunat Tahajud, solat sunat Taubat, solat sunat Istikharah, solat sunat Tasbih dan lain-lain. Apabila menjelang waktu Maghrib, kita disarankan untuk berbuka puasa dengan buah kurma dan segelas air. Amalan-amalan lain yang dituntut untuk dilakukan sepanjang Ramadan adalah seperti berzikir, beristighfar, menghadiri majlis ilmu, beriktikaf dan bersedekah.

Bahagian 19 bertajuk Kisah Orang Soleh. Para solihin banyak menghabiskan masa untuk menuntut ilmu. Mereka sedikit pun tidak membazir masa. Imam Sulaim al-Razi sebagai contoh, beliau tidak pernah membuang masa dengan sesuatu yang tidak berfaedah. Orang orang soleh juga mengurangkan makan dan minum serta banyak menyibukkan diri dengan membaca kitab-kitab.

Bahagian 24 adalah berkaitan sifat Nabi Muhammad SAW. Bahagian ini dimulai dengan sifat fizikal Rasulullah. Seterusnya ia membincangkan perkara-perkara lain seperti kebiasaan nabi, masa nabi melayan tetamu, masa nabi di luar rumah, ketika berada dalam majlis dan masa diamnya nabi. Jelas menunjukkan bahawa Rasulullah menggunakan masa dengan

sebaiknya. Baginda tidak suka mencela dan memburukkan orang lain, tidak suka mencari keaiban dan tidak berbicara tentang sesuatu kecuali yang boleh mendatangkan faedah.

Bahagian 28 iaitu bahagian akhir sangat menarik untuk dibaca. Penulis membicarakan tentang cara Rasulullah SAW memanfaatkan masa bersama keluarga. Rasulullah SAW merupakan suami teladan bagi seluruh umat manusia. Sistem kekeluargaan dalam sesebuah masyarakat tidak akan kukuh sekiranya tidak dihiasi oleh moral dan sifat kerohanian yang mantap. Dalam sistem kekeluargaan Islam, Rasulullah SAW telah menunjukkan akhlak yang mulia sehingga mampu membina sistem kekeluargaan yang bahagia. Akhlak mulia yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW perlu kita contohi kerana baginda bukan hanya berdakwah, berperang tetapi baginda juga melakukan kerja-kerja rumah tangga. Ini kerana masa sangatlah berharga bagi Rasulullah SAW. Dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim yang maksudnya:

Maksudnya: *“Aisyah RA pernah ditanya seorang lelaki yang bernama al-Aswad bin Yazid tentang apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika dalam rumahnya? Maka Aisyah menjawab: “Rasulullah SAW sentiasa membantu ahli keluarganya dalam kerja rumah. Dan apabila sudah tiba waktu solat, baginda keluar untuk solat”.*

(HR al-Bukhari dan Muslim)

Hadis tersebut jelas menunjukkan sifat baginda SAW yang sangat ringan tulang dan sering membantu isteri dalam urusan rumah tangga tanpa disuruh. Perbuatan Rasulullah dalam membantu isterinya di rumah merupakan salah satu kaedah untuk membina keluarga yang bahagia. Dengan membantu isteri, perasaan cinta dan sayang isteri kepada suami akan bertambah. Inilah sikap seorang ketua yang perlu dicontohi oleh semua umat Islam. Kesibukan serta pangkat yang dimiliki sebagai ketua umat Islam, ketua negara dan penghulu segala nabi dan rasul tidak pernah dijadikan alasan untuk baginda merasa malas atau malu untuk melakukan kerja-kerja rumah dan menjaga kebajikan ahli keluarganya. Selagi mana baginda mampu untuk melakukan kerja-kerja rumah, baginda tidak akan sesekali meminta isteri atau khadam melakukannya.

Penelitian terhadap buku ini mendapati bahawa buku ini amat bagus dan perlu dimiliki oleh segenap masyarakat umat Islam terutama kepada yang leka dengan masa. Diharapkan buku ini mampu menjadi garis panduan dalam penggunaan masa sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Secara keseluruhannya, buku ini baik daripada segi kupasan dan pendekatannya adalah mudah difahami. Ilustrasi yang terdapat dalam buku ini juga mampu menarik masyarakat untuk membacanya. Susunan bahasa yang baik juga menjadikan buku ini lebih dekat kepada pembaca.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu ditambahbaik oleh penulis seperti penggunaan laras bahasa yang lebih tepat dan penambahbaikan daripada aspek teknikal seperti kesalahan ejaan.

Penulis membincangkan aspek Pengurusan dalam Islam pada bahagian 4. Pada hemat pengulas, bahagian ini tidak sesuai untuk dimasukkan. Kehadiran bahagian ini kelihatan terasing dan tiada hubungkait dengan bahagian sebelum atau selepasnya. Selain itu, penggunaan *target date* pada muka surat 19 boleh digantikan dengan tarikh sasaran. Pada

muka surat 27, terdapat kesilapan ejaan bagi perkataan kejujuran yang mana telah dieja “kejajuran”.

Pada bahagian 9, data yang diberi pada muka surat 32 adalah tidak lengkap. Saranan kepada penulis agar diperhalusi tahun kajian dijalankan. Seterusnya, pada muka surat 37, terdapat kesilapan dalam perkara *dharuriyyat*. Penulis menyatakan bahawa nyawa termasuk dalam empat perkara yang diletakkan dalam kategori *dharuriyyat*. Sebenarnya terdapat lima perkara dalam kategori *dharuriyyat* iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta.

Di samping itu, pada muka surat 41, struktur ayat adalah tergantung pada pernyataan “*Allah memerintahkan perjalanan bulan dan matahari sekali gus, agar umat Islam akan sentiasa peka dan mementingkan masa*”. Cadangan penambahbaikan ialah “*Allah memerintahkan kita untuk melihat perjalanan bulan dan matahari sekali gus, agar umat Islam akan sentiasa peka dan mementingkan masa*”.

Pada pengamatan pengulas, bahagian 21 yang berjudul Masa Rasulullah Bersama Sahabat perlu ditambahbaik kerana bahagian ini lebih memfokuskan cara sahabat menggunakan harta di jalan Allah SWT. Selain itu, terdapat kesilapan ejaan pada perkataan sedemikian yang mana telah dieja “sedimikian”, iaitu pada muka surat 190.

Seterusnya pengulas berpandangan tajuk bahagian 26 iaitu Contoh Takwa yang ditunjukkan oleh Abu Bakar perlu ditukar kerana ia turut membicarakan tentang sahabat-sahabat nabi yang lain seperti Umar al-Khattab, Murarah bin Rabi', Hilal bin Umayyah dan Ka'ab bin Malik. Pada bahagian ini juga, terdapat kesilapan ejaan Murarah kerana telah dieja Murarak iaitu pada muka surat 219.

Siti Zaleha Ibrahim

Pensyarah,

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,

Pusat Pengajian Teras,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.